

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HSK 402 - Sejarah: Teori dan Kaedah

{Masa: 3 jam}

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan, SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab SATU [1] soalan

1. Setujukah anda dengan pandangan R.G. Collingwood bahawa keistimewaan sejarah ialah fokus kajian sejarah kepada tiadakan manusia yang berpujian, yang berkeadilan pemikiran reflektif dan dilakukan secara sengaja?
2. E.H. Carr telah mengutuk pendekatan sejarawan abad kesembilan belas, seperti Ranke, sebagai terlampau bersifat "keghairahan terhadap fakta-fakta" iaitu melihat asas ilmu sejarah sebagai terletak pada "usaha pengumpulan fakta-fakta nyata dengan cara tidak jemu-jemu dan tidak berhenti-henti". Sebaliknya, bagi Carr, fakta sejarah tidak mempunyai makna atau guna sebelum mereka diproses oleh ahli sejarah.

Pandangan manakah, pada pendapat anda, yang lebih menjelaskan sifat dan kaedah bidang sejarah?

BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan

3. "Sejarah harus mengkaji kelakuan kolektif masyarakat bukan pilihan-pilihan individu dan keputusan-keputusan kerajaan".

(F. Furet)

Adakah, pada pandangan anda, pengertian sejarah sedemikian membawa fahaman dan kaedah kajian yang lebih mantap?

.../2

4. Bincangkan pandangan Eric Hobsbawm bahawa kelebihan teori sejarah kebendaan Marx ialah dapat memberikan satu panduan atau rancangan penyelidikan yang boleh mencakupi banyak aspek kehidupan manusia kepada suatu gambaran masa lampau yang tersusun.

BAHAGIAN C - Jawab SATU [1] soalan

5. Mengikut R. Suntharalingam, "batu penghalang yang menyekat kegunaan hukum am dalam sejarah" adalah sifat manusia sebagai "makhluk yang berfikir yang mampu bukan sahaja untuk membuat pemilihan dari alternatif-alternatif yang wujud bahkan pula mencipta sesuatu yang tidak wujud sebelum itu".

Setujukah anda bahawa sifat manusia sedemikian yang menjadikan corak penjelasan dalam sejarah jauh berbeza daripada penjelasan dalam kajian alam semula jadi?

6. Ramai ahli sejarah telah mengakui bahawa dalam bidang sejarah tidak pernah dan tidak mungkin terdapat suatu pencapaian yang muktamad.

Apakah, pada pandangan anda, ini bermaksud bahawa sejarah bukan satu bidang kajian yang bersifat objektif?